

Terms and Conditions for Licence Plate Recognition Parking Service

The following terms and conditions (these “**Terms and Conditions**”) govern your use of LPR Parking Service provided by Touch ‘n Go Sdn. Bhd (“**TNGSB**”). Please read these Terms and Conditions carefully before using LPR Parking Service.

By registering for and using LPR Parking Service, you acknowledge that you have read and fully understood these Terms and Conditions. Your use of LPR Parking Service signifies your unconditional acceptance of these Terms and Conditions, which may be amended by TNGSB from time to time. Anyone you allow to use LPR Parking Service using your Vehicle Number linked to your TNG eWallet Account will also be bound by these Terms and Conditions. If you do not accept these Terms and Conditions, please do not proceed with the registration process or activation.

1. DEFINITIONS

Personal Data: any information relating to an identifiable person who can be directly or indirectly identified from the information we collect pursuant to LPR Parking Service

LPR Parking Service: a service offered by TNGSB which uses Licence Plate Recognition (LPR) system that leverages on a vision system to swiftly identify and document Vehicle Numbers. It allows you to pay Transaction charges directly from your TNG eWallet Account without the need to tap your Touch ‘n Go card or charms.

LPR Parking Site: any parking site that belongs to and/or is operated by a parking service provider that has partnered with TNGSB to offer LPR Parking Service.

Transaction: the payment made for using LPR Parking Service.

TNG Digital: TNG Digital Sdn Bhd [Registration No.: 201701042478 (1256651-M)].

TNG eWallet: an electronic wallet offered by TNG Digital in accordance with TNG eWallet’s Terms and Conditions which can be found at <https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf>.

TNG eWallet Account: the mobile payment account created when you register for TNG eWallet which stores digital money and is used to pay the Transaction charges for your use of LPR Parking Service.

TNGSB Website: our official website at <https://www.touchngo.com.my>.

TNGSB, us, we or our: Touch ‘n Go Sdn Bhd [Registration No: 199601034048 (406400-X)], a company incorporated in Malaysia and having its registered address at Tower 6, Avenue 5, No. 8, Jalan Kerinchi, Bangsar South, 59200 Kuala Lumpur.

Vehicle Number: licence plate number of a vehicle validly registered with Road Transport Department of Malaysia and linked with TNG eWallet for LPR Parking Service.

you or your: any person who has registered for TNG eWallet and linked their Vehicle Number for the purpose of using LPR Parking Service in accordance with these Terms and Conditions.

2. REGISTRATION

- a. To activate and use LPR Parking Service, you must register and/or opt-in by providing your Vehicle Number via TNG eWallet. LPR Parking Service will only be available once you have successfully linked your Vehicle Number with your TNG eWallet Account.
- b. You shall ensure that you are the rightful owner of the Vehicle Number linked to TNG eWallet Account and/or have the necessary consent and authorisation to use the Vehicle Number.
- c. The Vehicle Number registered for your LPR Parking Service is non-transferable. If you are no longer the owner of the vehicle, you must de-register the Vehicle Number from your TNG eWallet Account.

3. USE OF LPR PARKING SERVICE

- a. You agree:
 - i. to use LPR Parking Service in accordance with these Terms and Conditions as well as any guidelines and policies we may issue from time to time;
 - ii. not to remove, transfer, damage, manipulate, modify, or tamper with your Vehicle Number and/or LPR Parking Service without our consent and/or authorisation.
 - iii. to use the same vehicle with the Vehicle Number registered for the usage of LPR Parking Service both entry and exit of a LPR Parking Site.
 - iv. that the payment of the Transaction is be subject to the TNG eWallet's Terms and Conditions. You must ensure that your TNG eWallet Account has sufficient balance for the Transaction charges when using LPR Parking Service at LPR Parking Site. If your TNG eWallet Account does not have sufficient balance, you will not be able to use LPR Parking Service when exiting LPR Parking Site. You may use other available payment methods, which will be subject to the relevant payment method's terms and conditions.
- b. If there is any error and/or discrepancy in your Transaction, you must submit your claim to TNGSB Website through eRefund channel (<https://www.touchngo.com.my/erefund/>) within thirty (30) days from the date

of the Transaction (“**eRefund Claim**”). If you do not submit an eRefund Claim within this period, you will be deemed to have accepted such Transaction.

- c. Your eRefund Claim will be processed upon our receipt of complete information from you. Upon successful verification of the information provided, we will refund any amount due to you by crediting it to your TNG eWallet Account within thirty (30) days.
- d. Currently, you are not required to pay any fees or charges for the use of LPR Parking Service. We may impose any fees or charges in the event of any enhancement or upgrade to LPR Parking Service and we will provide sufficient written notification before the imposition of any fees or charges.

4. TERMINATION

- a. You may terminate the use LPR Parking Service at any time by removing or de-linking your Vehicle Number from your TNG eWallet Account.
- b. We have the right to suspend and/or terminate your use of LPR Parking Service and/or any Vehicle Number if:
 - i. you have removed, transferred, damaged, manipulated, modified or tampered the Vehicle Number;
 - ii. you are found to be in breach to any of these Terms and Conditions, including any guidelines and policies and guidelines we may issue from time to time;
 - iii. any Transaction is declined due to insufficient balance or failure to process the payment method linked to your TNG eWallet Account;
 - iv. a third party claims that any Personal Data provided by You has been provided without consent and/or authorisation;
 - v. there is suspected fraud, irregularities and/or unauthorised use involving your Vehicle Number, your usage of LPR Parking Service and/or the payment method linked to your TNG eWallet Account; or
 - vi. it is required pursuant to laws or requested by court order, regulatory authority, law enforcement or government agencies,and we shall not be held liable or responsible for any losses, damages, fees and/or expenses incurred as a result of or arising from the suspension and/or termination.
- c. If there is any fraudulent transaction, irregularity and/or unauthorised use of Vehicle Number and/or LPR Parking Service, we may, upon investigation, deduct any amount due (including full Transaction amount and all related costs and expenses incurred) from your TNG eWallet Account. If your TNG eWallet Account do not have sufficient balance, such amount will be deemed as amount due and owing to us and we reserve the right to take further action against you, including legal action, to recover all such amount.

5. CHANGES TO THESE TERMS AND CONDITIONS

- a. We reserve the right to amend, modify, add and/or remove (collectively, “**change**”) any provision in these Terms and Conditions, including any guidelines and policies and guidelines we may issue from time to time at any time; and we will notify of you of any such change by way of written notice at least than seven (7) days prior to the effective date of such change.
- d. Your continued use of LPR Parking Service after the effective date of such changes shall constitute your acceptance of such changes. If You do not accept such change, you may terminate the use of LPR Parking Service by removing or de-linking your Vehicle Number from your TNG eWallet Account.

6. COMMUNICATION AND CUSTOMER SERVICE

- a. We will provide announcement on any update to our products, services, including LPR Parking Service and operations to the public from time to time.
- b. All notices, requests and/or communications between TNGSB and you may be communicated through the following channels:
 - i. electronic mail (via careline@touchngo.com.my or other official e-mail addresses from TNGSB);
 - ii. TNGSB Website;
 - iii. TNGSB’s official social media channels (including but not limited to Facebook, Instagram, LinkedIn and X); or
 - iv. TNG eWallet application.

This Clause 6.b. does not apply to the service of any proceedings or other documents in any legal action.
- c. You may also visit any of our following service and sales centres for assistance:

Address	Operating Hours
Bangsar South Service & Sales Centre Ground Floor Tower 6 Avenue 5 Bangsar South No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur	Monday to Friday from 9:00am to 5:00pm. Closed on weekends & public holidays of Kuala Lumpur
NU Sentral Service & Sales Centre Lot L2.07, Level 2 NU Sentral Shopping Centre No 201, Jalan Tun Sambanthan 50470 Kuala Lumpur	Monday to Sunday (inclusive public holidays) from 10:00am to 10:00pm

7. INDEMNITY AND LIABILITIES

- a. Indemnity: You agree to indemnify us from and against all claims, liabilities, losses, damages, proceedings, demands, costs and expenses (including legal

fees) by any third party arising from the use of the Vehicle Number and/or LPR Parking Service caused by:

- i. your act, omission, default, negligence and/or fraudulent misconduct;
- ii. your misuse of Personal Data;
- iii. your use of fake Vehicle Number and/or fraudulently register vehicle number;
- iv. your attempt to decipher, decompile or reverse engineer the software/hardware used for LPR Parking Service;
- v. your breach of and/or non-compliance with these Terms and Conditions, including any guidelines and policies and guidelines we may issue from time to time; or
- vi. your breach any applicable laws, court order and/or directive by any regulatory authority, law enforcement or government agencies.

This indemnity shall survive termination of any Vehicle Number and/or LPR Parking Service.

b. Liability

- i. LPR Parking Service are provided on an "as is" and "as available" basis, and you are using LPR Parking Service at your own risk. For avoidance of doubt, we shall not be liable for the goods, services or any transaction beyond the provision set out in these Terms and Conditions.
- ii. While we will use reasonable endeavours to ensure that LPR Parking Service is secured and cannot be accessed by unauthorised third party, we disclaim all liability and makes no representation or warranty, express or implied, that:
 - A. LPR Parking Service or any of its feature shall always be reliable, timely, secure or defect free; or
 - B. LPR Parking Service will be accessible uninterrupted and available at all times or any particular time or location.
- iii. You shall be responsible for all losses and payments (including the amount of any Transaction carried out without your consent and/or authorisation) due to your negligence or where you have acted fraudulently.
- iv. TNGSB, our officers, employees and/or agents will not be liable to you or any third party (whether authorised by you or otherwise) for any loss of revenue, loss of profits and/or any consequential loss whatsoever as a result of your usage of LPR Parking Service however caused, including but not limited to, breakdown or malfunction of the TNG eWallet, LPR Parking Service and/or the electronic parking system at LPR Parking Site.
- v. Notwithstanding the above, our maximum liability in relation to LPR Parking Service shall not exceed in aggregate the sum of Ringgit

Malaysia Five Hundred (RM500.00) only or the sum of the Transaction in dispute, whichever is lesser.

8. PERSONAL DATA

- a. By registering and using LPR Parking Service, you consent to the processing of the Personal Data in accordance with Personal Data Protection Act 2010 and TNGSB's Privacy Notice published on TNGSB Website.
- b. You understand that the accuracy and completeness of your Personal Data in our records depends on the information you provide to us. You agree to provide us with accurate, up-to-date and complete information of such Personal Data.
- c. In the event the Personal Data belongs to a third party, you warrant and represent that you have obtained the relevant consent and authorisation to provide the Personal Data to TNGSB.
- d. If there are any changes to the Personal Data and/or the consent and authorisation, you will immediately update us through the channels set out in Clause 6.b and Clause 6.c.

9. MISCELLANEOUS

- a. These Terms and Conditions shall be governed by and interpreted in accordance with the laws of Malaysia and any dispute or issue in connection with these Terms and Conditions shall be submitted to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.
- b. All trademarks and intellectual property rights used in relation to LPR Parking Service belong to TNGSB. You acknowledge and agree that you do not acquire any rights, licenses and/or permissions to use such trademarks and intellectual property rights through your use of LPR Parking Service.
- c. We shall be liable for any failure or delay in performing our obligations under these Terms and Conditions if such failure or delay is due to a force majeure event which includes, but is not limited to, acts of God, war, terrorism, civil unrest, government actions, natural disasters, pandemics, strikes, or any other event which beyond our reasonable control.
- d. If any provision in these Terms and Conditions is invalid, illegal, or unenforceable under the applicable laws, such provision shall be deemed deleted but that shall not affect the validity, legality and enforceability of the rest of these Terms and Conditions.
- e. If You are under the age of 18 or under the age of majority pursuant to the applicable laws, you must obtain permission from your parent or legal guardian

before registering for and use LPR Parking Service. If you do not have such permission, you must stop using LPR Parking Service immediately.

- f. If You are the parent or legal guardian of a minor who is using LPR Parking Service, you agree that you are subject to these Terms and Conditions and will be responsible for the minor's action.
- g. We may provide these Terms and Conditions in the Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency or discrepancy between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version will prevail.

Terma dan Syarat untuk Perkhidmatan Tempat Letak Kereta Pengecaman Plat Lesen

Terma dan syarat yang berikut ("**Terma dan Syarat**" ini) mentadbir penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR yang disediakan oleh Touch 'n Go Sdn. Bhd. ("**TNGSB**"). Sila baca dengan teliti Terma dan Syarat sebelum menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR.

Dengan mendaftar dan menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat ini. Penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR menandakan penerimaan tanpa syarat anda terhadap Terma dan Syarat ini, yang boleh dipinda oleh TNGSB dari semasa ke semasa. Sesiapa sahaja yang anda membenarkan untuk menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR dengan Nombor Kenderaan yang dipautkan kepada Akaun TNG eWallet anda juga akan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini. Jika anda tidak menerima Terma dan Syarat ini, jangan teruskan dengan proses pendaftaran atau pengaktifan.

1. DEFINISI

Data Peribadi: sebarang maklumat berkaitan dengan individu yang boleh dikenal pasti secara langsung atau tidak langsung daripada maklumat yang kami kumpul berdasarkan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR.

Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR: perkhidmatan yang ditawarkan oleh TNGSB yang menggunakan sistem Pengecaman Plat Lesen (LPR) yang memanfaatkan sistem penglihatan untuk mengenal pasti dan merekod Nombor Kenderaan dengan pantas. Ia membolehkan anda untuk membayar caj-caj Transaksi terus daripada Akaun TNG eWallet tanpa perlu menggunakan kad atau *charm* Touch 'n Go.

Tapak Tempat Letak Kereta LPR: mana-mana tapak tempat letak kereta yang dimiliki dan/atau dikendalikan oleh penyedia perkhidmatan tempat letak kereta yang telah bekerjasama dengan TNGSB untuk menawarkan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR.

Transaksi: bayaran yang dibuat untuk menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR.

TNG Digital: TNG Digital Sdn Bhd [No. Pendaftaran: 201701042478 (1256651-M)].

TNG eWallet: dompet elektronik yang ditawarkan oleh TNG Digital menurut Terma dan Syarat TNG eWallet yang boleh didapati di <https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf>.

Akaun TNG eWallet: akaun pembayaran mudah alih yang tercipta apabila anda mendaftar untuk TNG eWallet yang menyimpan wang digital dan digunakan untuk membayar caj-caj Transaksi bagi penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR.

Laman Web TNGSB: laman web rasmi kami di <https://www.touchngo.com.my>.

TNGSB, kami, kita atau milik kami: Touch 'n Go Sdn Bhd [No. Pendaftaran: 199601034048 (406400-X)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan alamat berdaftar di Tower 6, Avenue 5, No. 8, Jalan Kerinchi, Bangsar South, 59200 Kuala Lumpur.

Nombor Kenderaan: nombor plat lesen kenderaan yang sah dan berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan dipautkan dengan TNG eWallet untuk Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR.

anda atau **milik anda:** mana-mana individu yang telah mendaftar untuk TNG eWallet dan memautkan Nombor Kenderaan mereka bagi tujuan penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR menurut Terma dan Syarat ini.

2. PENDAFTARAN

- a. Untuk mengaktifkan dan menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR, anda mesti mendaftar dan/atau memilih dengan memberikan Nombor Kenderaan anda melalui TNG eWallet. Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR hanya akan tersedia setelah anda berjaya memautkan Nombor Kenderaan anda dengan Akaun TNG eWallet anda.
- b. Anda hendaklah memastikan bahawa anda adalah pemilik sah Nombor Kenderaan yang dipautkan kepada Akaun TNG eWallet anda dan/atau mempunyai kebenaran yang diperlukan untuk menggunakan Nombor Kenderaan tersebut.
- c. Nombor Kenderaan yang didaftarkan untuk Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR tidak boleh dipindah milik. Jika anda bukan lagi pemilik kenderaan tersebut, anda mesti menyahdaftar Nombor Kenderaan tersebut daripada Akaun TNG eWallet anda.

3. PENGGUNAAN PERKHIDMATAN TEMPAT LETAK KERETA LPR

- a. Anda bersetuju:
 - i. untuk menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR mengikut Terma dan Syarat ini serta garis panduan dan polisi yang mungkin dikeluarkan oleh kami dari semasa ke semasa;
 - ii. tidak mengalihkan, memindahkan, merosakkan, memanipulasi, mengubah suai atau mengusik Nombor Kenderaan anda dan/atau Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR tanpa persetujuan dan/atau kebenaran kami;
 - iii. untuk menggunakan kenderaan yang sama dengan Nombor Kenderaan yang didaftarkan untuk penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR untuk masuk dan keluar dari Tapak Tempat Letak Kereta LPR;
 - iv. bahawa pembayaran Transaksi tertakluk kepada Terma dan Syarat TNG eWallet. Anda mesti memastikan bahawa Akaun TNG eWallet anda mempunyai baki yang mencukupi untuk caj-caj Transaksi semasa menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR di Tapak Tempat Letak Kereta LPR. Jika Akaun TNG eWallet anda tidak mempunyai baki yang mencukupi, anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR semasa keluar dari Tapak Tempat Letak Kereta LPR. Anda boleh menggunakan kaedah pembayaran lain yang tersedia, yang akan tertakluk kepada terma dan syarat kaedah pembayaran yang berkaitan.

- b. Jika terdapat sebarang kesilapan dan/atau perbezaan dalam Transaksi anda, anda mesti mengemukakan tuntutan anda kepada Laman Web TNGSB melalui saluran eRefund (<https://www.touchngo.com.my/erefund/>) dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Transaksi ("**Tuntutan eRefund**"). Jika anda tidak mengemukakan Tuntutan eRefund dalam tempoh ini, anda akan dianggap telah menerima Transaksi tersebut.
- c. Tuntutan eRefund anda akan diproses selepas kami menerima maklumat penuh daripada anda. Selepas pengesahan maklumat yang diberikan telah berjaya, kami akan membayar balik sebarang jumlah yang perlu dibayar kepada anda dengan mengkreditkannya kepada Akaun TNG eWallet anda dalam tempoh tiga puluh (30) hari.
- d. Pada masa ini, anda tidak perlu membayar sebarang caj atau fi untuk penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR. Kami boleh mengenakan sebarang caj atau fi sekiranya berlaku sebarang peningkatan atau naik taraf kepada Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR dan kami akan memberi notis bertulis yang mencukupi sebelum mengenakan sebarang caj atau fi.

4. PEMBATALAN

- a. Anda boleh membatalkan penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR pada bila-bila masa dengan mengeluarkan atau menyahpaut Nombor Kenderaan anda daripada Akaun TNG eWallet anda.
- b. Kami berhak untuk menggantung dan/atau membatalkan penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR anda dan/atau mana-mana Nombor Kenderaan sekiranya:
 - i. anda telah mengalihkan, memindahkan, merosakkan, memanipulasi, mengubah suai, memalsukan atau mengubah Nombor Kenderaan tersebut;
 - ii. anda didapati melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini, termasuk garis panduan dan polisi yang mungkin dikeluarkan oleh kami dari semasa ke semasa;
 - iii. sebarang transaksi yang ditolak disebabkan oleh baki yang tidak mencukupi atau kegagalan dalam memproses kaedah pembayaran yang dipautkan kepada Akaun TNG eWallet anda;
 - iv. tuntutan pihak ketiga bahawa sebarang Data Peribadi yang diberikan oleh anda adalah tanpa persetujuan dan/atau kebenaran;
 - v. terdapat penipuan, ketidakteraturan dan/atau penggunaan tanpa kebenaran yang disyaki Nombor Kenderaan anda, penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR dan/atau kaedah pembayaran yang dipautkan kepada Akaun TNG eWallet anda; atau
 - vi. ia diperlukan menurut undang-undang atau diminta melalui perintah mahkamah, pihak berkuasa kawal selia, penguatkuasa undang-undang atau agensi kerajaan,

dan kami tidak akan bertanggungjawab atau didapati bersalah untuk sebarang kerugian, kerosakan, fi dan/atau caj yang ditanggung akibat daripada penggantungan dan/atau pembatalan.
- c. Jika terdapat sebarang transaksi penipuan, ketidakteraturan dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Nombor Kenderaan dan/atau Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR, kami boleh memotong sebarang jumlah yang terhutang (termasuk jumlah penuh Transaksi dan semua kos dan perbelanjaan berkaitan yang ditanggung) dari Akaun TNG eWallet anda setelah menjalankan siasatan. Jika Akaun TNG eWallet anda tidak mempunyai baki yang

mencukupi, jumlah tersebut akan dianggap sebagai jumlah yang perlu dibayar dan terhutang kepada kami dan kami berhak untuk mengambil tindakan selanjutnya terhadap anda, termasuk tindakan undang-undang, untuk mendapatkan kembali jumlah tersebut.

5. PERUBAHAN TERHADAP TERMA DAN SYARAT

- a. Kami berhak untuk meminda, mengubah, menambah dan/atau menghapuskan (secara kolektif, "**perubahan**") mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini, termasuk mana-mana garis panduan dan polisi yang mungkin dikeluarkan oleh kami dari semasa ke semasa pada bila-bila masa; dan kami akan memberitahu anda mengenai sebarang perubahan tersebut melalui notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh perubahan tersebut berkuat kuasa.
- b. Penggunaan berterusan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR selepas tarikh perubahan tersebut berkuat kuasa akan membentuk penerimaan anda terhadap perubahan tersebut. Jika anda tidak menerima perubahan tersebut, anda boleh membatalkan penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR dengan mengeluarkan atau menyahpaut Nombor Kenderaan anda daripada Akaun TNG eWallet.

6. KHIDMAT PELANGGAN DAN KOMUNIKASI

- a. Kami akan membuat pengumuman mengenai sebarang kemas kini terhadap produk, perkhidmatan, termasuk Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR, dan operasi kepada orang awam dari semasa ke semasa.
- b. Semua notis, permintaan dan/atau komunikasi antara TNGSB dan anda boleh dilakukan melalui saluran berikut:
 - i. emel elektronik (melalui careline@touchngo.com.my atau alamat emel rasmi lain daripada TNGSB);
 - ii. Laman Web TNGSB;
 - iii. saluran media sosial rasmi TNGSB (termasuk tetapi tidak terhad kepada Facebook, Instagram, LinkedIn dan X); atau
 - iv. aplikasi TNG eWallet.Klausa 6.b ini tidak terpakai bagi penyampaian sebarang prosiding atau dokumen-dokumen lain dalam sebarang tindakan undang-undang.
- c. Anda juga boleh mengunjungi mana-mana pusat perkhidmatan dan jualan kami untuk mendapatkan bantuan:

Alamat	Waktu Operasi
Bangsar South Service & Sales Centre Ground Floor Tower 6 Avenue 5 Bangsar South No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur	Isnin hingga Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Tutup pada hujung minggu dan cuti awam Kuala Lumpur.
NU Sentral Service & Sales Centre Lot L2.07, Level 2 NU Sentral Shopping Centre No 201, Jalan Tun Sambanthan 50470 Kuala Lumpur	Isnin hingga Ahad (termasuk cuti awam) dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

7. TANGGUNG RUGI DAN LIABILITI

- a. Tanggung rugi: Anda bersetuju untuk menanggung rugi kami dari dan terhadap semua tuntutan, liabiliti, kerugian, kerosakan, prosiding, permintaan, kos dan perbelanjaan (termasuk fi guaman) oleh mana-mana pihak ketiga yang timbul akibat daripada penggunaan Nombor Kenderaan dan/atau Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR yang disebabkan oleh:
- tindakan, peninggalan, keingkaran, kecuaian dan/atau salah laku penipuan anda;
 - penyalahgunaan Data Peribadi oleh anda;
 - penggunaan Nombor Kenderaan palsu dan/atau pendaftaran Nombor Kenderaan secara penipuan;
 - percubaan anda untuk menyahkod, menyahkompilasi atau membalikkan kejuruteraan perisian/perkakasan yang digunakan untuk Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR;
 - pelanggaran dan/atau ketidakpatuhan anda terhadap Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang garis panduan dan polisi yang mungkin dikeluarkan oleh kami dari semasa ke semasa; atau
 - pelanggaran anda terhadap mana-mana undang-undang yang berkenaan, perintah mahkamah dan/atau arahan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia, penguatkuasa undang-undang atau agensi kerajaan.

Tanggung rugi ini akan kekal selepas penamatan bagi mana-mana Nombor Kenderaan dan/atau Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR.

- b. Liabiliti
- Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR disediakan berdasarkan prinsip "*as is*" dan "*as available*", dan anda menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR atas risiko sendiri. Untuk mengelakkan keraguan, kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang barangan, perkhidmatan atau transaksi di luar peruntukan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.
 - Walaupun kami akan berusaha dengan sewajarnya untuk memastikan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR selamat dan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan, kami menafikan semua liabiliti dan tidak membuat sebarang pernyataan atau jaminan, secara nyata atau tersirat, bahawa:
 - Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR atau mana-mana cirinya hendaklah sentiasa boleh dipercayai, tepat pada masanya, selamat atau bebas daripada kecacatan; atau
 - Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR akan sentiasa boleh diakses tanpa gangguan dan tersedia pada setiap masa atau di lokasi atau masa tertentu.
 - Anda hendaklah bertanggungjawab ke atas semua kerugian dan pembayaran (termasuk jumlah mana-mana Transaksi yang dilakukan tanpa persetujuan dan/atau kebenaran anda) akibat daripada kecuaian anda atau jika anda bertindak secara penipuan.
 - TNGSB, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan/atau ejen-ejen kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga (sama ada yang dibenarkan oleh anda atau tidak) atas sebarang

kehilangan hasil, kehilangan keuntungan dan/atau apa-apa kerugian yang berbangkit akibat daripada penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kegagalan atau kerosakan TNG eWallet, Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR dan/atau sistem tempat letak kereta elektronik di Tapak Letak Kereta LPR.

- v. Walaubagaimanapun, liabiliti maksimum kami berhubung dengan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR tidak akan melebihi jumlah keseluruhan Lima Ratus Ringgit Malaysia (RM500.00) sahaja atau jumlah Transaksi yang dipertikaikan, mengikut jumlah mana yang lebih rendah.

8. DATA PERIBADI

- a. Dengan mendaftar dan menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR, anda bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Notis Privasi TNGSB yang diterbitkan di Laman Web TNGSB.
- b. Anda memahami bahawa ketepatan dan kelengkapan Data Peribadi dalam rekod kami bergantung pada maklumat yang anda berikan kepada kami. Anda bersetuju untuk memberikan kami maklumat Data Peribadi yang tepat, terkini dan lengkap.
- c. Sekiranya Data Peribadi adalah milik pihak ketiga, anda menjamin dan mengesahkan bahawa anda telah memperoleh persetujuan dan kebenaran yang berkenaan untuk memberikan Data Peribadi tersebut kepada TNGSB.
- d. Jika terdapat sebarang perubahan terhadap Data Peribadi dan/atau persetujuan dan kebenaran, anda hendaklah dengan segera menghubungi kami bagi tujuan kemas kini melalui saluran yang dinyatakan dalam Klausula 6.b dan Klausula 6.c.

9. LAIN-LAIN

- a. Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian atau isu berkaitan dengan Terma dan Syarat ini hendaklah diserahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- b. Semua tanda dagangan dan hak harta intelek yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR adalah milik TNGSB. Anda mengakui dan bersetuju bahawa anda tidak memperoleh sebarang hak, lesen dan/atau kebenaran untuk menggunakan tanda dagangan dan hak harta intelek tersebut melalui penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR.
- c. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau kelewatan dalam melaksanakan kewajipan kami di bawah Terma dan Syarat ini sekiranya kegagalan atau kelewatan tersebut berpunca daripada kejadian *force majeure*, termasuk tetapi tidak terhad kepada kuasa Tuhan, peperangan, keganasan, rusuhan awam, tindakan kerajaan, bencana semula jadi, pandemik, mogok, atau sebarang kejadian lain di luar kawalan munasabah kami.

- d. Jika mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini didapati tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang yang berkenaan, peruntukan tersebut akan dianggap dipadamkan tetapi ia tidak akan menjejaskan kesahihan, keesahan dan kebolehuatkuasaan peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini.
- e. Jika anda berumur di bawah 18 tahun atau di bawah umur majoriti menurut undang-undang yang berkenaan, anda mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga sah anda sebelum mendaftar dan menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR. Jika anda tidak mempunyai kebenaran tersebut, anda mesti dengan segera menghentikan penggunaan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR.
- f. Jika anda adalah ibu bapa atau penjaga sah kepada seseorang yang bawah umur yang menggunakan Perkhidmatan Tempat Letak Kereta LPR, anda bersetuju bahawa anda tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan akan bertanggungjawab terhadap tindakan orang yang bawah umur tersebut.
- g. Kami mungkin menyediakan Terma dan Syarat ini dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.